

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1998/99

Februari 1999

HKT 121/NSK 013 - Teori dan Kritikan Sastera

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab **EMPAT** [4] soalan. Jawab soalan **SATU** [WAJIB] dan mana-mana **TIGA** [3] soalan yang lain.

1. Bincangkan maksud kritikan sastera dan hubungannya dengan teori sastera serta teori kritis. Jelaskan kesan perkembangan teori kritis terhadap kritikan sastera.
2. Huraikan secara kritis pengaruh linguistik moden terhadap teori kritikan strukturalisme. Berdasarkan novel Beloved, bincangkan bagaimana teori kritikan ini dapat diaplikasikan.
3. Bincangkan cara kerja teori kritikan dekonstruksi berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:
 - [i] ketidakstabilan bahasa.
 - [ii] fonosentrisme.
 - [iii] logosentrisme.
 - [iv] tambah-ganti (*supplement*).
4. Merujuk kepada teori *rasa-dhvani* (Abhinavagupta) dan teori resepsi-pembaca (Wolfgang Iser), bandingkan kedua-dua teori estetik ini untuk memperkatakan perbezaannya.

...2/

5. Jelaskan proses pembentukan teori *rasa*-fenomenologi dan cara kerja estetiknya yang melibatkan tiga proses yang berhubungan:
- [i] praestetik.
 - [ii] pengkonkritan estetik.
 - [iii] pengadilan estetik.
6. Bincangkan pemikiran di sebalik teori metafiksyen historiografik dan dengan merujuk kepada Sejarah Melayu, jelaskan pemikiran itu.
7. Bincangkan empat model utama di dalam kajian kesusasteraan pascakolonial seperti yang dikemukakan oleh Bill Ashcroft, Gareth Griffiths dan Helen Tiffin. Merujuk kepada novel Putera Gunung Tahan, bincangkan model yang paling sesuai untuk meletakkan novel ini sebagai novel pascakolonial.

-oo000oo-